

AS paling banyak kes cacar monyet

WASHINGTON - Lebih 3,800 kes cacar monyet direkodkan di Amerika Syarikat (AS) setakat ini, sekali gus menjadikannya negara paling banyak mencatatkan jangkitan daripada wabak tersebut, lapor *Badan Penyiaran Britain (BBC)* kelmarin.

Virus cacar monyet diklasifikasikan sebagai darurat kesihatan global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada minggu lalu.

Setakat ini, lebih 18,000 kes cacar monyet telah dilaporkan di sekitar 75 buah negara.


Menurut data yang diterbitkan secara online oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC), sebanyak 3,846 kes cacar monyet yang disahkan atau disyaki telah direkodkan di AS setakat 25 Julai lalu.

Angka itu melepasi jumlah jangkitan di Sepanyol, di mana 3,105 kes dilaporkan sehingga kini.

Dua negara lain dengan jumlah jangkitan tertinggi adalah Jerman dan Britain dengan masing-masing merekodkan 2,352 dan 2,208 kes.


Berdasarkan angka jangkitan tinggi itu, akhbar *Washington Post* melaporkan bahawa pentadbiran Presiden Joe Biden sedang mempertimbangkan untuk mengumumkan darurat kesihatan awam.

Langkah itu akan membolehkan kerajaan negeri menggunakan dana persekutuan untuk memerangi wabak, meningkatkan kesedaran awam



ORANG ramai beratur untuk mendapatkan suntikan vaksin cacar monyet di sebuah pusat vaksinasi di Brooklyn, New York pada 17 Julai lalu. - AFP

KIT ujian calitan yang disahkan positif cacar monyet dirakam di sebuah makmal virologi di Seattle, Washington pada 12 Julai lalu. - AFP



dan mengumpul data kesihatan berkaitan secara lebih berkesan.

Pentadbiran Biden juga dilaporkan sedang bersiap sedia untuk melantik seorang penyelarar dari White House bagi memantau tindak balas kerajaan terhadap cacar monyet.

Pada 21 Julai lalu, 50 wakil rakyat Parti Demokrat menyerahkan surat terbuka kepada Biden untuk mendesak beliau mengumumkan darurat kesihatan serta menghantar berjuta-juta dos vaksin ke AS dari kilang-kilang di luar negara.

Ketika pegawai-pegawai berkata bahawa lelaki gay, biseksual dan petugas kesihatan merupakan golongan paling berisiko, kebimbangan turut memuncak bahawa virus cacar monyet boleh berjangkit kepada kumpulan populasi yang lain.

Ini terbukti apabila AS mengesahkan kes cacar monyet pertama dalam kalangan kanak-kanak pada 22 Julai lalu.

Selain itu, tindak balas kerajaan dalam menangani virus tersebut dikekang oleh masalah kekurangan bekalan vaksin serta permulaan ujian saringan yang perlahan.

Kebanyakan kes cacar monyet disifatkan sebagai ringan, manakala simptom awalnya termasuk demam panas, nodus limfa bengkak dan melepuh serta ruam atau luka seperti cacar air.

Setakat ini, tiada kematian akibat virus cacar monyet dilaporkan di AS. - AGENSI